

30 APR 2003

Hadi-Tindakan

KERAJAAN PUSAT PERLU JAWAB TUDUHAN DUA MEDIA ASING

KUALA TERENGGANU, 30 April (Bernama) -- Pemangku Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata, tindakan terbaik menangani tuduhan yang telah dilemparkan majalah 'Economist' dan 'Asian Wall Street Journal' (AWSJ) terhadap pemimpin negara ialah dengan menjawab tuduhan tersebut.

Menurutnya, cara itu adalah lebih baik dalam mengatasi masalah itu dan bukannya dengan menutup atau mengharamkan pengedaran majalah tersebut di negara ini.

"Saya rasa cadangan 'haramkan' adalah satu cara yang tidak bijak ... yang tidak boleh selesaikan masalah. Kalau kita 'haramkan' pun benda itu telah dibacakan orang.

"Cara yang boleh dibuat ialah kerajaan jawab. Kita gunakan segala kemampuan kerajaan (pusat), tetapi kerajaan hendaklah berikan hujah-hujah untuk tolak tohmahan tersebut," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas saranan beberapa pihak yang mahukan kerajaan pusat mengambil tindakan termasuk mengharamkan pengedaran kedua-dua media asing itu kerana menyiarkan rencana yang menghina pemimpin dan negara ini.

Pada 5 April lepas, 'The Economist' menyiarkan rencana bertajuk 'The Changing of Guard: A Survey of Malaysia', yang seolah-olah menidakkan dasar dan program yang telah dijalankan kerajaan di bawah pimpinan Dr Mahathir.

ASWJ pula telah menyiarkan gambar seorang pengganas tetapi namanya ditulis Dr Mahathir.

Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu berkata, jawapan bagi menolak tohmahan dan dakwaan yang dilemparkan oleh majalah tersebut bolehlah juga dikemukakan melalui majalah yang sama.

Menurutnya, tindakan menutup atau mengharamkan penerbitan majalah berkenaan di negara ini, hanya akan menunjukkan kelemahan kerajaan pusat dalam menolak tohmahan tersebut dan ia seolah-olah bersetuju dengan apa yang telah ditulis.

"Kritikan seumpama itu biasalah dalam demokrasi media... jadi terpulanglah kepada pertimbangan kerajaan Barisan Nasional dan mereka sendiri (kerajaan pusat) yang perlu berikan jawapan," katanya.

-- BERNAMA

HIS ZB